

## **Bahagian Muar tidak sertai rapat sokong -MB Johor-**

MUAR, Selasa —  
UMNO Bahagian Muar tidak akan menyertai perhimpunan khas di kediaman rasmi Menteri Besar di Johor Bahru lusa untuk menyatakan sokongan kepada Menteri Besar itu dalam krisis pucuk pimpinan UMNO Negeri sekarang.

Pemangku Ketua Bahagian, Haji Shahdan Sabtu berkata, mesyuarat jawatan kuasa tergempar bahagian itu Ahad lalu memutuskan, Bahagian Muar tidak mahu terlibat dalam perhimpunan itu.

Katanya, keputusan ini dicapai kerana Bahagian Muar tidak menerima arahan rasmi supaya menghantar wakil ke perhimpunan tersebut.

"Kami hanya menerima panggilan telefon menyuruh kami menyertai perhimpunan pada 8 Oktober ini," katanya.

Tambahnya, Bahagian Muar mengarahkan semua cawangannya jangan membuat kenyataan dan menyalurkan semua keputusan diambil kepada bahagian.

UMNO Muar juga menghantar telegram menyokong tindakan Presiden parti, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mengenai perkembangan di Negeri Johor sekarang.

Sementara itu, UMNO Bahagian Pagoh di sini akan menghantar satu rombongan tiga bas untuk perhimpunan itu tanda menyokong kepimpinan Menteri Besar.